

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG**

KAWASAN : **MARANG**

TARIKH : **23 MAC 2015 (ISNIN)**

NO. SOALAN : **69**

SOALAN

YB. DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah perkembangan terkini proses rundingan TPP dan sejauh mana Malaysia memperoleh manfaat daripada perjanjian tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Perjanjian Perkongsian Trans Pasifik (TPP) masih dalam proses rundingan dan belum dimuktamadkan. Mesyuarat Ketua-Ketua Perunding perjanjian TPP yang terkini telah diadakan di New York City, Amerika Syarikat pada 28 Januari hingga 1 Februari 2015 dan di Hawaii, Amerika Syarikat pada 9 hingga 15 Mac 2015.

Secara keseluruhannya, sepuluh bab telah selesai dirundingkan dan terdapat kemajuan positif bagi bab-bab tertentu seperti barangan, peraturan tempasal, syarikat hak milik Kerajaan dan perundangan. Namun demikian masih terdapat jurang perbezaan yang ketara di dalam pendirian ahli-ahli di dalam bab hak harta intelek dan alam sekitar.

Untuk makluman, setakat ini, bab rundingan yang telah dimuktamadkan adalah seperti berikut:

- i. Pembangunan;
- ii. *Regulatory Coherence, dengan izin*;
- iii. Daya saing dan fasilitasi perniagaan;
- iv. Enterpris kecil sederhana;
- v. Kemasukan sementara tenaga mahir;
- vi. Kerjasama dan pembinaan kapasiti;
- vii. Pentadbiran dan Institusi;
- viii. Dasar Persaingan (Seksyen A);
- ix. Telekomunikasi; dan
- x. Pentadbiran Kastam

Dari segi akses pasaran, kesemua negara TPP telah berkongsi tawaran penghapusan duti import barangan pada 28 Januari 2015. Secara keseluruhan Malaysia telah menerima tawaran akses pasaran yang memuaskan daripada kesemua negara ahli. Walau bagaimanapun, Malaysia masih terus merunding untuk mendapat akses pasaran yang lebih baik dengan sesetengah negara dalam TPP, termasuk dengan Amerika Syarikat dan Mexico dimana rundingan akses pasaran masih berterusan.

Tuan Yang Dipertua,

Malaysia masih menghadapi cabaran bagi isu dan bab yang bukan konvensional seperti Syarikat Milik Kerajaan (SOE), Perolehan Kerajaan, Hak Harta Intelek, dan Mekanisme Penyelesaian Pertikaian Pelabur-Negara (ISDS).

Bagi isu SOE, Malaysia masih merunding untuk mengecualikan beberapa entiti SOE Malaysia, mendapatkan *threshold* yang lebih tinggi, serta tempoh transisi yang lebih panjang bagi memastikan kesediaan yang lebih rapi dalam menghadapi TPP. Ini kerana Kerajaan sedar bahawa entiti-entiti ini bukan sahaja beroperasi atas sebab komersial semata-mata, tetapi juga berperanan dalam menyusun semula sosio-ekonomi negara yang begitu signifikan dalam mempengaruhi kesejahteraan masyarakat dan rakyat Malaysia.

Bagi isu perolehan kerajaan, Malaysia sedang merundingkan *threshold* nilai projek yang lebih tinggi bagi penyertaan syarikat asing dalam tender-tender perolehan kerajaan. Dalam erti kata lain, kontraktor asing hanya dibenarkan bagi perolehan kerajaan yang bersifat gergasi. Ini

seterusnya meminimumkan impak ke atas syarikat kecil sederhana tempatan.

Begitu juga dengan rundingan mengenai ISDS, pasukan rundingan masih berunding secara teliti terhadap skop ISDS.

Manakala bagi rundingan hak harta intelek, isu yang masih tertunggak ialah isu berkaitan farmaseutikal, hak cipta, dan indikasi geografikal yang perlu diselesaikan melalui rundingan yang lebih tinggi diperingkat menteri atau pemimpin.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi mencari jalan penyelesaian bagi isu-isu yang sukar bagi Malaysia, langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- i. Sesi konsultasi, termasuk bersama kumpulan pakar, Cleared Advisor yang dilantik untuk mendapatkan pandangan dan pendekatan penyelesaian yang boleh di terima. Untuk makluman sejumlah 56 sesi konsultasi telah diadakan sepanjang tahun 2013, 40 sesi sepanjang tahun 2014 dan sehingga Februari 2015, sebanyak 7 sesi konsultasi TPPA telah dijalankan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.
- ii. Sesi konsultasi bersama ahli Kaukus Parlimen. Sesi terkini telah di adakan pada 2 Mac 2015.
- iii. Makmal TPP atau workshop pada awal April 2015, berdasarkan keputusan Jemaah Menteri pada 18 Februari 2015. Makmal ini akan dikendalikan oleh PEMANDU untuk membincangkan isu

SOE, GP dan ISDS. Makmal ini akan melibatkan pelbagai pihak berkepentingan termasuk pemimpin tertinggi badan-badan berkanun, syarikat milik kerajaan, badan bukan kerajaan, Ahli Parlimen Caucus, barisan Cleared Advisors TPP, ahli ekonomi dan ahli akademia supaya bersama-sama untuk mencari penyelesaian alternatif bagi isu sensitif yang dirundingkan di bawah TPP

Yang Di Pertua,

Keputusan Kerajaan untuk menyertai rundingan TPP telah dibuat berdasarkan fakta kebergantungan ekonomi Malaysia kepada perdagangan antarabangsa di mana penyertaan dalam TPP, akan memberi akses pasaran bebas cukai sebesar 800 juta orang dengan gabungan Keluaran Dalam Negeri Kasar yang berjumlah AS\$27.5 trilion. Seperti perjanjian perdagangan bebas yang lain yang telah Malaysia tandatangani, keanggotaan TPP dapat memberi jaminan akses pasaran berkeutamaan ke negara-negara TPP bagi barangan dan perolehan kerajaan. Penghapusan duti barangan adalah kekal dan bagi pelaburan pula, peruntukan-peruntukan perlindungan akan menjamin kepentingan pelabur-pelabur Malaysia di negara-negara TPP. Bagi sektor perkhidmatan, jaminan akses pasaran akan menggalakkan penyedia-penyedia perkhidmatan berkelayakan untuk mengeksport kepakaran masing-masing. Pengguna dan rakyat secara amnya berpeluang untuk menikmati lebih banyak pilihan dan kualiti produk serta perkhidmatan dengan harga yang lebih kompetitif hasil daripada persaingan perniagaan yang sihat.

Disiplin-disiplin perdagangan moden dibawah perjanjian TPP juga akan memperkukuh usaha Kerajaan menggalakkan amalan perdagangan yang lebih telus dan tadbir urus yang baik (*good governance*).